

30 AUG 1999

Sukan-Lumba (Proton)

KEPUTUSAN PROTON INTERNATIONAL MASIH DITUNDA

SEPANG, 30 Ogos (Bernama) -- Keputusan rasmi Perlumbaan Merdeka 300 Km Proton International ditunda lagi apabila keputusan yang diumumkan pada pagi ini mendapat bantahan daripada beberapa pemandu.

Penganjur yang memutuskan untuk mengisytiharkan pemenang dan catatan masa peserta pada pagi ini, terpaksa menarik balik keputusan awal pagi ini untuk membuat perkiraan semula.

Pengurus Besar Sirkuit Antarabangsa Sepang (SIC) Hussin Mohd Ali berkata, SIC telah memutuskan bahawa jalan penyelesaian terbaik ialah untuk membawa juruaudit luar untuk mengkaji dan mengesahkan keputusan yang dikira secara manual oleh penjaga masa SIC.

"Kita mahu menggunakan juruaudit luar untuk memastikan pengesahan keputusan itu dibuat secara neutral dan tidak berat sebelah. Keputusan rasmi akan diumumkan secepat mungkin," katanya dalam satu kenyataan.

Semalam, penganjur perlumbaan itu Proton tidak dapat mengumumkan pemenang kerana masalah teknikal dalam penjagaan masa dan kenderaan yang menamatkan perlumbaan perlu menjalani pemeriksaan.

Dalam perlumbaan 55 pusingan di Sirkuit F1 Sepang yang canggih itu 73 kereta mengambil bahagian dan perlumbaan membabitkan kereta-kereta Proton itu dilepaskan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut keputusan yang dikeluarkan pagi ini, hanya lima pemandu diisytiharkan sebagai telah menamatkan 55 pusingan dengan pemenang tidak rasmi semalam tiada dalam senarai yang menamatkan perlumbaan itu.

Semalam, penganjur mengisytiharkan Eric Yeo dan pembantunya Raymond Tan dari YS Khong Motorsports dalam kereta Putra 1.8cc sebagai pemenang tidak rasmi.

Pemenang tidak rasmi senarai hari ini ialah peserta persendirian Firhat Mokhzani dan pembantunya Nurmad Jusat.

Kan Chee Hong dan pembantunya Lim Min Chen daripada pasukan USPD berada di tempat kedua di hadapan Tengku Djan Ley dan pembantunya Marcus Chye daripada pasukan Andersen Consulting.

Menurut Hussin, SIC kesal dengan kegagalan peralatan penjagaan masa yang menyebabkan kelewatan dalam mengumumkan keputusan rasmi perlumbaan Merdeka.

Beliau berkata, SIC telah menguji peralatan itu bukan sahaja sejurus sebelum perlumbaan tetapi juga pada Jumaat dan Sabtu lepas dan terkejut dengan kegagalan sistem itu.

"Kontraktor dan pembekal peralatan itu akan membawa juruperunding mereka untuk mengkaji sistem itu dan mengenal pasti punca kegagalan sistem itu. Masalah itu akan diperbetulkan secepat mungkin," kata Hussin.

Sebagai rekod, sistem catatan masa SIC tidak akan digunakan dalam perlumbaan Formula Satu di sini Oktober ini. Formula One Management Limited akan membawa sistem mereka sendiri bagi acara itu.

Semasa Grand Prix Motosikal Dunia April lepas, penganjurnya, Dorna peralatan sendiri untuk mencatat masa perlumbaan.

-- BERNAMA

ERE PR